


# LAPORAN TAHUNAN **2012**

Ke Arah Kesejahteraan Rakyat



# KANDUNGAN

## 4 PERUTUSAN YB MENTERI KERJA RAYA

## 6 KATA ALUAN KETUA SETIAUSAHA

## 8 STRATEGI KKR

- Pelan Strategik Organisasi 2011 – 2012

## 14 PENCAPAIAN KPI

- Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

## 18 PENGURUSAN KEWANGAN

- Belanja Mengurus
- Belanja Pembangunan

## 24 PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

- Projek Pembangunan Infrastruktur
- Projek Bangunan Persekutuan
- Projek Penswastaan Lebuhraya
- Pembinaan Persimpangan Baru dan Naik Taraf Persimpangan Sedia Ada
- Program Lintasan Pejalan Kaki Searas 1Malaysia

## 36 PENGURUSAN ASET

- Program Pembaikan Lokasi *Blackspot*
- Program Menaik Taraf Laluan Strategik
- Program Penjimatkan Tenaga

## 46 PENGURUSAN KONTRAKTOR

- Pendaftaran Kontraktor
- Pembangunan Kontraktor

## 58 PEMBANGUNAN PROFESIONALISME

- Lembaga Jurutera Malaysia (LJM)
- Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)
- Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM)
- Akademi Binaan Malaysia (ABM)

## 68 PEMBANGUNAN MODAL INSAN

- Nilai-Nilai Bersama
- Kedudukan Perjawatan
- Program Pembangunan Modal Insan
- Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

## 74 PENGURUSAN PELANGGAN

- Pengurusan Aduan Awam
- Program Hari Bertemu Pelanggan *Online*

## 80 SOROTAN 2012



**PERUTUSAN  
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**

**YB DATUK HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**  
Menteri Kerja Raya



**Assalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh  
dan Salam 1Malaysia,**

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana penerbitan laporan Tahunan 2012 dapat dilaksanakan dengan jayanya. Saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang menyalurkan maklumat untuk menerbitkan Buku Laporan Tahunan Kementerian Kerja Raya ini.

Buku laporan ini memberi gambaran menyeluruh mengenai kejayaan dan pencapaian program serta aktiviti yang dilaksanakan oleh kementerian. Ia penting untuk membantu kita menilai semula kejayaan sepanjang tahun 2012. Ia juga boleh dijadikan sebagai sumber maklumat kepada warga kementerian dan agensinya serta para kontraktor untuk meningkatkan pengetahuan mereka tentang peluang yang ditawarkan oleh kementerian khasnya. Kerajaan pada hari ini adalah kerajaan yang berpaksikan kepada nilai tambah dan transformasi dalam semua bidang ke arah menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Lantaran itu, antara formula penting dalam menjayakan visi negara adalah menetapkan Petunjuk Prestasi Utama "Key Performance Indicator" (KPI) bagi setiap Kementerian.


Alhamdulillah Kementerian Kerja Raya merupakan salah satu daripada Kementerian yang melepas sasaran utama KPI yang ditetapkan pada tahun lepas. Syabas diucapkan kepada semua yang bertungkus lumus dalam memastikan KPI Kementerian ini tercapai.

Saya berpendapat, tahun 2012 adalah tahun kecemerlangan bagi Kementerian Kerja Raya. Saya dapat prestasi kementerian dan agensinya amat membanggakan dan telah berjaya menaikkan imej kementerian kita. Kementerian juga telah mengadakan pelbagai program untuk memantapkan lagi kecekapan Kontraktor Bumiputera yang berdaftar di negara ini.

Semua kejayaan dan pencapaian KKR bagi tahun 2012 telah direkodkan dalam laporan ini. Akhir sekali, syabas dan tahniah di atas penerbitan Buku Laporan Tahunan ini dan semoga ia menjadi panduan kepada semua pihak yang ingin mendalami peranan dan fungsi kementerian.

Terima kasih.

**YB DATUK HAJI FADILLAH  
BIN HAJI YUSOF  
MENTERI KERJA RAYA**



**KATA ALUAN  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA**

---

YBHG. DATUK HIMMAT SINGH  
Ketua Setiausaha



## Selamat Sejahtera dan Salam 1Malaysia,

Sepanjang tahun 2012, Kementerian Kerja Raya (KKR) bersama Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah berjaya melaksanakan pelbagai program dan aktiviti selaras dengan enam teras di bawah Pelan Strategik Operasi KKR. KKR juga telah menerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti oleh Jabatan Audit Negara buat kali ketiga dengan penarafan 4 bintang. Portal KKR pula dikategorikan bertaraf 5 bintang oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC).

Pada tahun 2012, Kementerian memperoleh peruntukan RM6,325.4 juta, merangkumi sebanyak RM2,531.8 juta untuk Belanja Mengurus dan RM3,793.6 juta untuk Belanja Pembangunan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM6,236.7 (98.60%) telah dibelanjakan. Belanja Mengurus mencatat perbelanjaan sebanyak RM2,500.7 juta (99.60%) manakala Belanja Pembangunan mencatat perbelanjaan sebanyak RM3,736 juta (98.50%). Dengan peruntukan pembangunan tersebut, Kementerian bertanggungjawab dalam melaksanakan sebanyak 191 buah projek di bawah Rolling Plan Kedua RMKe-10.

JKR pula telah mengorak langkah proaktif untuk mengurangkan 50 peratus daripada jumlah kemalangan dengan melaksanakan kerja-kerja pembaikan di 40 lokasi blackspot dan membina 30 lintasan pejalan kaki 1Malaysia di kawasan sekolah-sekolah di seluruh negara sepanjang tahun 2012. JKR juga telah menerima Penghargaan Kerja

Pembaikan Cerun oleh Biro Tatanegara Jabatan Perdana Menteri selain menerima Anugerah 4 Bintang Indeks Akauntabiliti.

Sepanjang 2012, LLM mempamerkan prestasi pengurusan projek yang mantap, apabila kemajuan kerja sembilan daripada 10 projek mendahului jadual. Antaranya, projek Sambungan Lebuh Raya Sg Besi (BEE), projek Lebuhraya Lembah Kelang Selatan (SKVE), persimpangan bertonjat-U di Lebuhraya Shah Alam (KESAS), persimpangan bertonjat di Alor Pongsu, Bukit Gambir, Sg Buaya dan Seremban serta kerja-kerja pelebaran lorong ke empat Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS).

Sehingga Disember 2012, CIDB telah mendaftarkan sejumlah 67,844 kontraktor pelbagai gred. Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) pula mendaftarkan seramai 31,795 orang kontraktor Bumiputera. CIDB dan PKK telah mengadakan pelbagai program bagi memperkasakan kontraktor dalam usaha melahirkan generasi usahawan pembinaan yang mampu saing di peringkat tempatan dan global. Akademi Binaan Malaysia (ABM), di bawah CIDB, terus mengukuh kedudukan sebagai peneraju dan penyedia pekerja mahir dan separuh mahir professional untuk memenuhi permintaan industri pembinaan yang pesat dan membangun.


Menutup tirai 2012, KKR telah mempamerkan prestasi pencapaian yang membanggakan dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah kerajaan demi menjamin kesejahteraan rakyat. Sekian, terima kasih.

**YBHG. DATUK HIMMAT SINGH**  
KETUA SETIAUSAHA





**STRATEGI  
KKR**



**“ Menyediakan rangkaian jalan raya yang efisien dan selamat dengan kualiti yang terbaik untuk kemudahan rakyat dan merangsang pertumbuhan ekonomi negara ”**

#### • PELAN STRATEGIK ORGANISASI 2011-2012

Strategi dan petunjuk prestasi utama (KPI) yang telah dikenal pasti adalah berdasarkan kepada 6 tugas teras Kementerian Kerja Raya (KKR) iaitu:

##### TERAS 1

###### **Pembangunan Infrastruktur Jalan**

Menyediakan rangkaian jalan raya yang efisien dan selamat dengan kualiti yang terbaik untuk kemudahan rakyat dan merangsang pertumbuhan ekonomi negara;

##### TERAS 2

###### **Pembangunan Industri Binaan & Kejuruteraan**

Memastikan industri binaan dan kejuruteraan negara berkembang dan menyumbang kepada KDNK negara melalui penggunaan teknologi terkini dan inovasi yang dihasilkan;

##### TERAS 3

###### **Pengurusan Penyelenggaraan Infrastruktur Jalan & Bangunan**

Memastikan aset jalan dan bangunan yang ada di negara ini diselenggara dengan cekap, berkesan berdasarkan piawaian antarabangsa supaya aset-aset ini dapat digunakan secara optimum;

## TERAS 4

### **Pengurusan Penswastaan Lebuh Raya**

Memastikan setiap lebuh raya yang dibina memberikan tahap perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna daripada aspek penyelenggaraan, trafik dan kemudahan di sepanjang laluan lebuh raya;

## TERAS 5

### **Pembangunan Keupayaan & Kapasiti Sumber Manusia Industri Binaan**

Memastikan sumber manusia industri binaan dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran bersesuaian dengan perubahan persekitaran dan perkembangan teknologi;

## TERAS 6

### **Penglibatan Penggiat Industri Binaan di Peringkat Global**

Menyediakan peluang, bantuan dan rundingan kepada penggiat-penggiat industri binaan negara untuk mengeksport perkhidmatan ke luar negara

## VISI

Menjadi organisasi peneraju dalam pembangunan infrastruktur dan memacu industri pembinaan negara yang lebih kompetitif di pasaran global

## MISI

### **Pembangunan Infrastruktur**

Memastikan pembangunan infrastruktur dirancang, dilaksana dan disenggara dengan cekap dan berkualiti tinggi

### **Industri Pembinaan**

Membangun, mengembang dan memantapkan industri pembinaan negara dan perkhidmatan profesional yang berdaya saing di pasaran global

### **Tenaga Kerja**

Memastikan pembangunan kapasiti dan keupayaan kontraktor, profesional dan tenaga kerja sektor pembinaan dilaksanakan selaras dengan dasar negara



# MOTO

**‘Ke arah Kesejahteraan Rakyat’**

# FUNGSI

- i. Merancang pembangunan rangkaian jalan Persekutuan di seluruh negara.
- ii. Menyelaras dan memantau pelaksanaan projek jalan Persekutuan dan lain-lain projek di bawah seliaan Kementerian Kerja Raya (KKR).
- iii. Mengawal selia kerja penyenggaraan jalan Persekutuan yang diswastakan dan Bangunan Gunasama Persekutuan seluruh Negara (kecuali Wilayah Tengah Semenanjung Malaysia).
- iv. Pembangunan usahawan Bumiputera di dalam sektor pembinaan.
- v. Memantau pembinaan, operasi, pengendalian tol dan penyenggaraan lebuh raya bertol.
- vi. Merancang dan menyelaras urusan sumber manusia dan kewangan (mengurus dan pembangunan) Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Jabatan Kerja Raya (JKR).
- vii. Memantau jabatan dan agensi di bawah kawalannya.
- viii. Memantau pelaksanaan projek pembangunan Kementerian Pelanggan yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).
- ix. Memberi khidmat nasihat dan sokongan kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di dalam pembangunan industri pembinaan negara dan tenaga kerja mahir.
- x. Memberi khidmat nasihat dan sokongan kepada Lembaga Jurutera Malaysia (LJM), Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) dan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) di dalam program pembangunan tenaga kerja profesional bagi pasaran dalam dan luar negara.


# PIAGAM PELANGGAN

**Kami warga Kementerian Kerja Raya komited untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan profesional serta menjamin kepuasan pelanggan dalam melaksanakan tugas-tugas teras dengan:**

- i. Memastikan laporan Lawatan Pemantauan Jalan Persekutuan disediakan dalam tempoh 14 hari bekerja daripada tarikh lawatan.
- ii. Memastikan laporan Lawatan Pemantauan Bangunan Gunasama Persekutuan disediakan dalam tempoh tujuh hari bekerja daripada tarikh lawatan.
- iii. Membayar tuntutan perunding dalam tempoh 14 hari daripada tarikh penerimaan invoice.
- iv. Memproses dan meluluskan permohonan Skim Kumpulan Wang Amanah Kontraktor (SKWAK) dalam tempoh 20 hari bekerja daripada tarikh permohonan.
- v. Memproses serta mempertimbangkan permohonan baru dan pembaharuan taraf bumiputera dalam tempoh 14 hari daripada tarikh permohonan lengkap diterima.
- vi. Memastikan setiap aduan pelanggan yang berasas diambil tindakan dalam tempoh 15 hari bekerja daripada tarikh aduan diterima.









## PENCAPAIAN KPI



## 1 Mengurangkan Permohonan Lanjutan Masa (EOT)




## 2 Kerja-kerja Pemulihan Di Lokasi Blackspots





Penilaian Tahap  
Kebolehan dan  
Kemampuan  
Kontraktor



Lintasan  
Pejalan Kaki  
Searas  
1Malaysia  
Di Sekolah







A close-up photograph showing a silver calculator and a silver ballpoint pen resting on several financial documents. The documents contain handwritten calculations with various numbers and mathematical symbols like '+', '=', and '-'.

## PENGURUSAN KEWANGAN



#### • BELANJA MENGURUS

Pada tahun 2012, KKR telah menerima peruntukan Belanja Mengurus sejumlah RM2,531.8 juta. Sehingga 31 Disember 2012, jumlah perbelanjaan sebenar bagi Belanja Mengurus adalah sebanyak RM2,521.7 juta iaitu 99.6% seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Prestasi Perbelanjaan Mengurus

TAHUN	JUMLAH (RM JUTA)		%
	PERUNTUKAN	PERBELANJAAN	
2011	1,942.7	1,922.8	98.98
2012	2,531.8	2,521.7	99.6

“ Kerajaan kini dalam proses peralihan sistem belanjawan negara daripada Sistem Belanjawan Diubahsuai kepada Sistem Belanjawan Berasaskan *Outcome* ”

Jadual 2:  
Peruntukan Dan Perbelanjaan Mengurus Mengikut Program / Aktiviti  
(Mengikut Objek Am) Bagi Tahun 2012

PROGRAM / AKTIVITI	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN		%
		(RM)	%	
10000 Emolumen	522,716,300.00	521,244,110.41	99.72	
20000 Perkhidmatan & Bekalan	1,405,244,360.00	1,396,848,936.87	99.40	
30000 Aset	16,511,610.00	16,233,063.58	98.31	
40000 Pemberian & Kenaan Tetap	586,306,730.00	586,300,601.36	100	
50000 Perbelanjaan – perbelanjaan Lain	1,065,000.00	1,058,060.02	99.35	
<b>JUMLAH</b>	<b>2,531,844,000.00</b>	<b>2,521,684,772.24</b>	<b>99.60</b>	

### i. Prestasi Perbelanjaan Pembayaran Bil

Pada tahun 2012, pemantauan berterusan telah dilakukan oleh Kementerian Kerja Raya bagi memastikan pematuhan terhadap arahan pembayaran bil dalam tempoh tidak melebihi 14 hari. Prestasi pembayaran bil oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) di Kementerian Kerja Raya bagi tahun 2012 mencapai 99.99% daripada jumlah keseluruhan 72,090 bil yang berjaya diselesaikan dalam tempoh tersebut. Bagi bil-bil yang berjaya diselesaikan dalam masa 7 hari peratusannya adalah sebanyak 90.73% seperti di Jadual 3.

**Jadual 3 : Laporan Pembayaran Bil Tahun 2012**

TAHUN	1 – 7 Hari		8 – 14 Hari		Lebih 14 Hari		JUMLAH
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
Januari - Disember 2011	65,405	90.73	6,683	9.27	2	0.00003	72,090

### ii. Hasil

Hasil kementerian yang telah dipungut dan diakaunkan pada tahun 2012 adalah berjumlah RM153.33 juta. Hasil ini terdiri daripada Hasil Bukan Cukai sebanyak RM104.22 juta, Terimaan Bukan Hasil sebanyak RM48.95 juta dan Hasil-hasil Wilayah Persekutuan adalah sebanyak RM0.16 juta.

**Jadual 4: Hasil KKR Tahun 2012**

JENIS HASIL	JUMLAH HASIL
Hasil Bukan Cukai	104.22 juta
Terimaan Bukan Cukai	48.95 juta
Hasil-hasil Wilayah Persekutuan	0.16 juta
<b>Jumlah</b>	<b>153.33 juta</b>

### iii. Pelaksanaan Bajet Mengurus melalui *Outcome Based Budgeting (OBB)*

Kerajaan kini dalam proses peralihan sistem belanjawan negara daripada Sistem Belanjawan Diubahsuai [*Modified Budgeting System (MBS)*] kepada Sistem Belanjawan Berasaskan *Outcome Based Budgeting (OBB)*. Inisiatif ini telahpun bermula pada tahun 2010 dan Kementerian Kerja Raya telah dipilih sebagai salah satu kementerian perintis bagi pelaksanaan inisiatif ini.

Setelah menjalani beberapa siri bengkel bagi memperkenal dan mengisi dokumen-dokumen strategik OBB disepanjang tahun 2011, KKR telah menyediakan Cadangan Anggaran Belanjawan Tahun 2013 - 2014 dalam dua cara / kaedah iaitu secara MBS dan juga OBB. Ini adalah selaras dengan arahan Kementerian Kewangan Malaysia.



iv. Prestasi Pelaksanaan Penggunaan ePerolehan dalam Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan bagi Tahun 2011 .

Pada tahun 2012, prestasi Penggunaan ePerolehan (eP) dalam Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan adalah sebanyak 102%. Pengguna eP adalah sebanyak 70 PTJ, yang terdiri daripada 33 PTJ kawasan Lembah Klang dan 37 PTJ kawasan luar Lembah Klang.

Butiran terperinci prestasi pelaksanaan adalah seperti di Jadual 5:

**Jadual 5:**  
**Prestasi Pelaksanaan Penggunaan ePerolehan**

JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH TRANSAKSI (RM)	PERBELANJAAN MELALUI ePEROLEHAN (%)
110,000,000.00	112,108,991.09	102

v. Prestasi Pelaksanaan Penggunaan *e-Bidding*

Dalam tahun 2012, sebanyak 8 perolehan telah menggunakan modul *eBidding* dengan nilai sebanyak RM7,514,131.00. *eBidding* merupakan satu modul tambahan di bawah sistem eP yang memberi pilihan kepada Kementerian/Jabatan yang eP *enabled* untuk mendapatkan bekalan/perkhidmatan dengan lebih cepat dan kos efektif daripada pembekal yang eP *enabled*.

• **BELANJA PEMBANGUNAN**

**Prestasi Perbelanjaan Pembangunan (P27) Rolling Plan Kedua (RP2) Di Bawah Rancangan Malaysia Ke 10 (RMKe10) Tahun 2012**

Pada 31 Disember 2012, laporan Prestasi Perbelanjaan Pembangunan RP2 di bawah RMKe10 mengikut pecahan Kementerian yang dikeluarkan oleh Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri

(JPM) seperti di Jadual 6 dan Jadual 7, Kementerian Kerja Raya (KKR) menduduki di tangga ke sebelas (11) daripada 25 kementerian/agensi dalam senarai tersebut. Kejayaan ini merekodkan perbelanjaan sebanyak

RM3,736 juta bersamaan 98.5 % berbanding jumlah peruntukan pembangunan yang diterima sebanyak RM3793.6 juta.


**Jadual 6:**  
**Prestasi Perbelanjaan Pembangunan RP2 RMke10 Tahun 2012**  
**Mengikut Kementerian Sehingga 31 Disember 2012**

KEMENTERIAN	PERUNTUKAN (RM JUTA)	PERBELANJAAN	
		31 DISEMBER 2012	%
Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi	628.9	628.9	100.0%
Kementerian Pertahanan	2768.9	2766.4	99.9%
Kementerian Pengangkutan	4159	4149.9	99.8%
Kementerian Pertanian	1168.7	1165.9	99.8%
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	7057	7040	99.8%
Kementerian Pengajian Tinggi	2256.9	2249.3	99.7%
Kementerian Sumber Manusia	655.4	651.3	99.4%
Kem. Perdagangan Dlm Negeri, Koperasi & kepenggunaan	60.4	59.9	99.2%
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	1410.1	1399.5	99.2%
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar	1661.3	1641.8	98.8%
Kementerian Kerja Raya	3793.6	3736	98.5%

**Jadual 7 :**  
**Laporan Perbelanjaan P.27:**  
**Kementerian Kerja Raya Sehingga 31 Disember 2012 Mengikut Program**

PROGRAM	PERUNTUKAN KEMASKINI (RM)	PERBELANJAAN (RM)	% BELANJA
Jalan & Jambatan (Semenanjung)	2,914,340,861.00	2,874,507,759.47	98.63%
Jalan & Jambatan (Sabah)	438,325,300.00	428,979,006.55	97.87%
Jalan & Jambatan (Sarawak)	324,225,200.00	318,430,294.65	98.21%
Jalan & Jambatan (Labuan)	23,850,000.00	23,847,071.80	99.99%
Bangunan-bangunan Kerajaan	16,814,330.00	16,582,581.56	98.62%
Jentera-jentera Kerja Raya	21,101,449.00	21,206,241.00	100.50%
Perumahan Kerajaan	13,217,010.00	12,712,378.70	96.18%
Komputer Kerja Raya	41,529,410.00	39,779,893.70	95.79%
<b>Jumlah</b>	<b>3,793,403,560.00</b>	<b>3,736,045,227.43</b>	<b>98.49%</b>





## PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

- PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR**

Sehingga 31 Disember 2012, terdapat 191 buah projek di bawah Butiran P27 sepanjang tempoh RP2 Tahun 2012. Berdasarkan jumlah tersebut, 41 projek telah siap sepenuhnya, 147 projek dalam pelaksanaan, 1 projek dalam perancangan dan 2 projek dalam pemerhatian. Maklumat projek-projek ini adalah seperti di Jadual 8:

Dari segi peratus projek lewat dan sakit, KKR telah mensasarkan peratusan bilangan projek sakit dan lewat jadual masing-masing di bawah (<) 2% dan 3%. Sehingga 31 Disember 2012, peratusan projek sakit dan lewat jadual masing-masing adalah 3.66% dan 1.57% seperti di Jadual 9.



**Jadual 8:**  
**Pencapaian Projek Pembangunan RP2 RM ke-10 Tahun 2012**

PROGRAM	BILANGAN PROJEK	%
Siap Sepenuhnya	41	21%
Dalam Pelaksanaan	147	77%
Dalam Perancangan	1	1%
Dalam Pemerhatian	2	1%

**Jadual 9:**  
**Peratusan Projek Sakit dan Lewat Jadual RMke-10 Tahun 2012**

PROGRAM	SASARAN	PENCAPAIAN
Projek Sakit	2.00%	3.66%
Projek Lewat	3.00%	1.57%

**“** KKR 2 adalah pelan induk enam blok pejabat dan berlokasi strategik di Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur dan menyediakan 37-tahap ruang kerja untuk Jabatan Kerja Raya (JKR). Menara ini terdiri daripada tiga ‘facades’ iaitu ‘A’ & ‘B’ dicerminkan dengan ‘C’ di belakang. **”**

- **PROJEK BANGUNAN PERSEKUTUAN**

#### Pembukaan Kuarters JKR Sungai Besi

Kuarters 9 tingkat (60 unit) klas G dengan keluasan  $110\text{m}^2$  (1,184.03 kps) dibina untuk kakitangan sokongan JKR. Ia juga melibatkan Pembinaan dua unit gelanggang futsal serta pembinaan tadika dan rumah sampah. Projek telah siap dua hari awal dari tarikh jangkaan siap.

YAB Dato' Sri Haji Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah merasmikan kuarters JKR Sungai Besi pada 18 Februari 2012.



#### Pembinaan Bangunan Kompleks Kerja Raya Kedua (KKR2)

KKR 2 adalah pelan induk enam blok pejabat dan berlokasi strategik di Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur dan menyediakan 37-tahap ruang kerja untuk Jabatan Kerja Raya (JKR).

Menara ini terdiri daripada tiga ‘facades’ iaitu ‘A’ & ‘B’ dicerminkan dengan ‘C’ di belakang. Setiap plat lantai adalah unik dengan geometrianya berbeza dan berbentuk daun. KKR 2 disasarkan untuk memperolehi Indeks Bangunan Hijau (GBI) Malaysia bertaraf Platinum kategori Non-Residential New Construction (NRNC) bangunan pejabat bertenagat tinggi.



## • PROJEK PENSWASTAAN LEBUHRAYA

Kementerian Kerja Raya melalui program penswastaan bertanggungjawab dalam pembangunan projek-projek lebuhraya bertol serta pengurusan hal-hal berkaitan dengan lebuhraya bertol bersama-sama dengan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

Sehingga 31 Disember 2012 sebanyak 30 lebuhraya dengan panjang 1,788.34 kilometer telah beroperasi. Daripada

jumlah tersebut, sebanyak dua (2) lebuhraya separa beroperasi iaitu Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa II. Selain itu, terdapat dua (2) lebuhraya sedang dalam peringkat pembinaan iaitu Lebuhraya Sambungan BESRAYA dan Jambatan Pulau Pinang Kedua dan lapan (8) dalam cadangan lebuhraya. Status operasi dan senarai lebuhraya tersebut adalah seperti di Jadual 10 dan 11.

**Jadual 10:**  
**Lebuhraya Beroperasi**

NAMA LEBUHRAYA	STATUS PROJEK	PANJANG (KM)	PEMEGANG KONSESI
LEBUHRAYA UTARA-SELAATAN	Beroperasi	823.3	PLUS BERHAD
LEBUHRAYA LALUAN KEDUA MALAYSIA-SINGAPURA	Beroperasi	44.7	PLUS BERHAD
LEBUHRAYA SHAH ALAM	Beroperasi	35	KESAS Sdn.Bhd.
LEBUHRAYA UTARA-SELAATAN HUBUNGAN TENGAH	Beroperasi	46.6	PLUS BERHAD
LEBUHRAYA CHERAS-KAJANG	Beroperasi	11.5	Grand Saga Sdn.Bhd.
LEBUHRAYA KUALA LUMPUR-KARAK	Beroperasi	60	ANIH BERHAD
LEBUHRAYA PANTAI TIMUR FASA I	Beroperasi	169	ANIH BERHAD
LEBUHRAYA SUNGAI BESI	Beroperasi	16.7	Besraya (M) Sdn.Bhd.
LEBUHRAYA BARU PANTAI	Beroperasi	19.6	New Pantai Expressway Sdn.Bhd.
LEBUHRAYA DAMANSARA-PUCHONG	Beroperasi	40	Lintasan Trans Kota Sdn.Bhd
LEBUHRAYA BERTINGKAT AMPANG-KUALA LUMPUR	Beroperasi	7.9	Projek Lintasan Kota Sdn.Bhd.

NAMA LEBUHRAYA	STATUS PROJEK	PANJANG (KM)	PEMEGANG KONSESI
LEBUHRAYA BUTTERWORTH-KULIM	Beroperasi	16.8	PLUS BERHAD
LEBUHRAYA DUTA-ULU KLANG	Beroperasi	18	Konsortium Lebuhraya Utara Timur(KL) Berhad.
LEBUHRAYA LINGKARAN LUAR BUTTERWORTH	Beroperasi	12.1	Lingkaran Luar Butterworth (Penang) Sdn.Bhd.
LEBUHRAYA PENYURAIAN TRAFIK LINGKARAN KAJANG	Beroperasi	37	Sistem Lebuhraya Lingkaran Kajang Sdn.Bhd.
LEBUHRAYA KUALA LUMPUR-PUTRAJAYA	Beroperasi	26	Maju Expressway Sdn.Bhd.
LEBUHRAYA KAJANG-SEREMBAN	Beroperasi	44.3	Lebuhraya Kajang Seremban Sdn.Bhd.
LEBUHRAYA SISTEM PENYURAIAN TRAFIK KUALA LUMPUR BARAT	Beroperasi	26	Sistem Penyuraian Trafik KL-Barat Sdn.Bhd.
LEBUHRAYA SEREMBAN-PORT DICKSON	Beroperasi	22.7	PLUS BERHAD
LEBUHRAYA PINTAS SELAT KELANG UTARA BARU	Beroperasi	17.5	Shahpadu Sdn.Bhd.
LEBUHRAYA SHAH ALAM-KUANG	Beroperasi	25	Projek Lintasan Kota Sdn.Bhd.
JAMBATAN PULAU PINANG	Beroperasi	13.5	PLUS BERHAD
LEBUHRAYA HUBUNGAN TIMUR BARAT (METRAMAC)	Beroperasi	17	ANIH BERHAD
TEROWONG JALAN RAYA & PENGURUSAN AIR BANJIR	Beroperasi	3.06	Syarikat Mengurus Air Banjir & Terowong Sdn.Bhd.
LEBUHRAYA KEMUNING-SHAH ALAM	Beroperasi	14.7	Projek Lintasan Shah Alam Sdn.Bhd.
LEBUHRAYA SENAI DESARU	Beroperasi	77.5	Senai-Desaru Expressway Berhad
LEBUHRAYA KL-KUALA SELANGOR (LATAR)	Beroperasi	33	KL - Kuala Selangor Expressway Bhd.
LEBUHRAYA PENYURAIAN TIMUR JOHOR BAHRU	Beroperasi	16.8	MRCB Lingkaran Selatan Sdn. Bhd.
LEBUHRAYA LEMBAH KLANG SELATAN	Beroperasi Separa	51.2 (Keseluruhan) 32.3 (Operasi) 18.9 (Pembinaan)	SKVE Holdings Sdn.Bhd.
LEBUHRAYA PANTAI TIMUR FASA 2	Beroperasi Separa	184 (Keseluruhan) 67.88 (Operasi) 116.12 (Pembinaan)	Besraya (M) Sdn.Bhd.

**“ Satu inisiatif Kerajaan dalam memastikan pengguna sentiasa menikmati perjalanan yang selesa dan selamat ”**



- **PEMBINAAN PERSIMPANGAN BARU DAN NAIK TARAF PERSIMPANGAN SEDIA ADA**

Satu inisiatif Kerajaan dalam memastikan pengguna sentiasa menikmati perjalanan yang selesa dan selamat tanpa kesesakan adalah melalui pembinaan persimpangan baru dan naik taraf persimpangan sedia ada di lokasi tertentu seperti berikut:

**i. Pembinaan Persimpangan Bertingkat dan Plaza Tol Baru**

- Persimpangan Bertingkat dan Plaza Tol Bukit Gambir, Lebuhraya PLUS
- Pembinaan Persimpangan Bertingkat dan Plaza Tol Sungai Buaya, Lebuhraya PLUS
- Pembinaan Persimpangan Bertingkat dan Plaza Tol Baru Seremban, Lebuhraya PLUS
- Pembinaan Persimpangan Bertingkat dan Plaza Tol Seri Kembangan, Lebuhraya MEX

**Jadual 11:  
Lebuhraya Dalam Perancangan 2012**

LEBUHRAYA	JARAK (KM)
Lebuhraya Pantai Barat Taiping - Banting (WCE)	315.8
Lebuhraya Sunga Besi - Ulu Kelang (SUKE)	31.8
Lebuhraya Damansara - Shah Alam (DASH)	20.1
Lebuhraya Serdang - Kinrara (SKIP)	17
Lebuhraya Kinrara - Damansara (KIDEX)	13.5
Lebuhraya Sambungan DUKE (DUKE Extension)	15.1
Lebuhraya Sg Dua - Juru	44
Lebuhraya Paroi - Senawang - KLIA	46

## **ii. Naik Taraf Persimpangan Bertingkat dan Plaza Tol Sedia Ada**

- Naik Taraf Persimpangan Bertingkat dan Plaza Tol Kuala Kangsar, Lebuhraya PLUS.

## **iii. Naik Taraf Lebuhraya Operasi**

- Pembinaan Lorong Keempat di Antara Seksyen Shah Alam-Rawang, Shah Alam-Jalan Duta Dan Nilai (U)-Seremban Di Lebuhraya Utara Selatan.

### **• TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)**

- Pengurangan/Diskaun Kadar Tol

Pengurangan kadar tol untuk Kenderaan Kelas 1 telah diberikan di Plaza Tol Sungai Nyiur, Butterworth Outer Ring Road (BORR) mulai 1 September 2007 sehingga 31 Disember 2013 daripada RM0.90 kepada RM0.50. Selain itu, pengurangan kadar tol kenderaan kelas 1 telah dilaksanakan berkuatkuasa 18 Februari 2011 di Plaza Tol PJS 2, Lebuhraya Baru Pantai (NPE) arah Subang di mana kadar tol dikurangkan daripada RM1.60 kepada RM1.00. Tempoh pengurangan ini adalah untuk tempoh 5 tahun.

Pemberian diskau sebanyak 30% bagi kadar tol semasa telah dilakukan mulai 1 Ogos 2010 bagi semua kelas kenderaan di Plaza Tol Tanjung Kupang, Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura (LINKEDUA). Pemberian diskau ini telah diambil kira semasa penstrukturkan kumpulan PEB.

- Pemberian Tol Percuma Melebihi Tempoh Satu (1) Bulan bagi Lebuhraya yang Baru Beroperasi 2012 seperti di Jadual 12.

**Jadual 12:  
Lebuhraya yang telah dibuka pada 2012**

LEBUHRAYA	BUKA
Lebuhraya Penyuraian Timur Johor Bahru (EDL)	1.4.2012
Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT 2) Paket 10	18.5.2012
Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE) Seksyen 2	29.5.2012



**“ Sempena  
musim-musim  
perayaan pada  
tahun 2012,  
pemberian diskau  
kadar tol/rebat tol  
turut diberikan. ”**

- Rebat 20% Kepada Pengguna Sistem Tol Elektronik (ETC) oleh Kerajaan

Pemberian rebat sebanyak 20% kepada pengguna lebuhraya kenderaan kelas satu yang membayar tol sebanyak 80 kali atau lebih dalam tempoh satu (1) bulan kalender menggunakan *Touch N Go* dan *Smart Tag* mulai 1 September 2009.

- Pemberian Diskaun Kadar Tol sempena Musim Perayaan

Sempena musim-musim perayaan sepanjang tahun 2012, pemberian diskau kadar tol/rebat tol turut diberikan. Maklumat pemberian ini adalah seperti di Jadual 13.

- Program Pengguna Kerap Lebuhraya oleh Syarikat Konsesi

Syarikat konsesi Lingkaran Trans Kota Sdn Bhd telah menawarkan rebat 20% berbentuk tambah nilai kepada pengguna SmartTAG dan Touch N Go yang telah membuat perjalanan sekurang-kurangnya 100 kali dalam sebulan kalender (RM160 sebulan) di Lebuhraya Damansara Puchong (LDP).

Selain itu, pemegang kad PLUSMile turut menerima rebat 5% yang menggunakan lebuhraya di bawah pengurusan PEB sekurang-kurangnya RM100 dalam sebulan kalender.

**Jadual 13:**  
**Pemberian Diskaun Kadar Tol Sempena Musim Perayaan**

PERAYAAN	BIL LEBUHRAYA YANG TERLIBAT
Tahun Baru Cina	25
Hari Raya Aidilfitri	24
Hari Deepavali	24
Hari Krismas	-
Hari Kebangsaan	23

PLAZA TOL TELUK PANDLIMA GARANG

Smart TAG

## • PROGRAM LINTASAN PEJALAN KAKI SEARAS 1MALAYSIA

### Objektif

- Dijadikan KPI Menteri Kerja Raya terbaru bagi tahun 2012.
- Membelanjakan 100% peruntukan yang disalurkan.
- Mengurangkan kadar kemalangan sebanyak 50% khususnya pejalan kaki yang melibatkan murid sekolah.

### Kriteria

- Sekolah yang berada di Jalan Persekutuan utama.
- Jalan tersebut mempunyai 1 lorong sehala sahaja.

- Bukan di bawah kawasan projek atau telah dinaiktaraf kepada 2 lorong sehala.
- Kedudukan sekolah tidak berada di selekoh.
- Tiada pemasangan lampu isyarat lagi.
- Kemalangan melibatkan pejalan kaki khususnya murid sekolah.
- Guru Besar membenarkan kerja penyambungan elektrik dari sekolah.
- Kriteria pemilihan berdasarkan kepada;
  - Bilangan trafik.
  - Bilangan murid sekolah.
  - Bilangan kemalangan.

**Jadual 14:  
Bilangan Lokasi Permohonan**

Negeri	Rendah	Menengah	Jumlah	Anggaran Kos (RM)
Selangor	-	-	-	RM0.00
Negeri Sembilan	3	3	6	RM1,500,000.00
Melaka	-	-	-	RM0.00
Johor	1	1	2	RM500,000.00
Perak	1	0	1	RM250,000.00
Kedah	4	0	4	RM1,000,000.00
Pulau Pinang	1	0	1	RM250,000.00
Perlis	1	1	2	RM500,000.00
Kelantan	1	2	3	RM750,000.00
Terengganu	4	0	4	RM1,000,000.00
Pahang	5	1	6	RM1,500,000.00
W.P Labuan	0	1	1	RM250,000.00
<b>Jumlah</b>	<b>21</b>	<b>9</b>	<b>30</b>	<b>RM7,500,000.00</b>

Jumlah Peruntukan Mengikut Negeri

\* Anggaran setiap lokasi RM 250,000.00







## PENGURUSAN ASET

## • PROGRAM PEMBAIKAN LOKASI BLACKSPOT

### Objektif :

- Membelanjakan 100% peruntukan yang disalurkan.
- Mengurangkan bilangan kemalangan yang berlaku di setiap lokasi sebanyak 50% semasa pembinaan dan dalam tempoh 3 Tahun Selepas Kerja Pembaikan.

### Kriteria lokasi blackspot;

- Sekurang-kurangnya 3 kemalangan sama jenis yang berlaku dalam lingkungan jarak 50m radius dalam tempoh 3 tahun.

- Sekurang-kurangnya 5 kemalangan berlainan jenis yang berlaku dalam lingkungan jarak 50m radius dalam tempoh 3 tahun.
- Pemilihan lokasi berdasarkan senarai keutamaan Bahagian Perancang Jalan, Kementerian Kerja Raya.

### Kriteria pembaikan;

- Kerja pembaikan dapat disiapkan dalam tahun semasa.
- Kos pembaikan tidak melebihi RM500 ribu bagi setiap lokasi (rawatan kos rendah).

**Jadual 15: Senarai Lokasi Siap Blackspot 2012**

LOKASI
FT 005 Sek 49, Jalan Johor Bahru – Batu Pahat, Pontian, Johor.
FT 10 Sek 36, Jalan Bahau – Kemayan, Jempol, N.Sembilan.
FT 005 Sek 309, Jalan Pantai Port Dickson, Port Dickson, N.Sembilan.
4 FT 005 Sek 311, Jalan Pantai Port Dickson, Port Dickson, N.Sembilan.
FT 005 Sek 319, Jalan Pantai Port Dickson, Port Dickson, N.Sembilan.
FT 001 Sek 243, Jalan Tampin - Gemas, Tampin, Negeri Sembilan.
FT 005 Sek 460, Jalan Klang-Teluk Intan, Kuala Selangor, Selangor.
FT 001 Sek 624, Jalan Ipoh – Kuala Kangsar, Kuala Kangsar, Perak.
FT 008 Sek 296, Jalan Kota Bharu – Gua Musang, Kuala Krai, Kelantan.
FT 008 Sek 328, Jalan Kota Bharu – Gua Musang, Kuala Krai, Kelantan.
FL 700 Persimpangan Jalan Tun Mustapha – Jalan Rancha – Rancha, WP Labuan
FL 700 CH 3900, Jalan Tun Mustapha WP Labuan
FT 001 Sek 704, Jalan Ipoh – Butterworth, Kerian, Perak.
FT 001 Sek 706, Jalan Ipoh – Butterworth, Kerian, Perak.
FT 001 Sek 707, Jalan Ipoh – Butterworth, Kerian, Perak.
FT 074 Sek 563, Jalan Kuala Sepetang – Taiping, Larut Matang Selama, Perak.
FT 001 Sek 528, Jalan Ipoh – Kuala Lumpur, Batang Padang, Perak.
FT 005 Sek 563, Jalan Teluk Intan – Hutan Melintang, Hilir Perak, Perak.
FT 005 Sek 564, Jalan Teluk Intan – Hutan Melintang, Hilir Perak, Perak.

## LOKASI

FT 005 Sek 565, Jalan Teluk Intan – Hutan Melintang, Hilir Perak, Perak.

FT 005 Sek 566, Jalan Teluk Intan – Hutan Melintang, Hilir Perak, Perak.

FT 058 Sek 1, Jalan Maharajalela, Hilir Perak, Perak.

FT 058 Sek 4, Jalan Maharajalela, Hilir Perak, Perak.

FT 058 Sek 6, Jalan Maharajalela, Hilir Perak, Perak.

FT 058 Sek 10, Jalan Maharajalela, Hilir Perak, Perak.

FT 058 Sek 9, Jalan Maharajalela, Hilir Perak, Perak.

FT 069 Sek 3, Jalan Bagan Datoh, Hilir Perak, Perak

FT 070 Sek 10, Jalan Langkap - Kampar, Hilir Perak, Perak.

FT 001 Sek 404, Jalan Kuala Lumpur - Ipoh, Gombak, Selangor.

FT 005 Sek 416, Jalan Klang-Banting-Port Dickson, Kuala Langat, Selangor.

FT 005 Sek 416, Jalan Klang-Banting-Port Dickson, Kuala Langat, Selangor.

FT 005 Sek 418, Jalan Klang-Banting-Port Dickson, Kuala Langat, Selangor.

FT 001 Sek 793, Jalan Alor Setar – Butterworth, Kuala Muda, Kedah.

FT 001 Sek 801, Jalan Alor Setar – Butterworth, Kuala Muda, Kedah.

FT 50 Sek 6, Jalan Kluang – Air Hitam – Batu Pahat, Batu Pahat, Johor.

FT 50 Sek 32, Jalan Kluang – Air Hitam – Batu Pahat, Batu Pahat, Johor.

FT 001 Sek 13, Jalan Johor Bahru – Air Hitam, Johor Bahru, Johor.

FT 51 Sek 36, Jalan Melang – Kuala Pilah, Kuala Pilah, N.Sembilan.

FT 064 Sek 62, Jalan Jerantut - Maran, Kuantan, Pahang.

FT 007 Sek 51, Jalan Kangar – Padang Besar, Padang Besar, Perlis.





“ Mengurangkan bilangan kemalangan yang berlaku di setiap lokasi sebanyak 50% semasa pembinaan dan dalam tempoh 3 Tahun Selepas Kerja Pembaikan. ”

- **PROGRAM MENAIK TARAF LALUAN STRATEGIK**

**Objektif**

- Menjalankan rawatan dan menaiktaraf laluan strategik berdasarkan empat petunjuk utama berikut;
  - i *International Roughness Index (<4.0 m/km)*
  - ii *Rut Depth (< 4.0 mm)*
  - iii *Texture Depth (> 0.5 mm)*
  - iv *Surface Crack*

**Pemilihan lokasi pembaikan:**


- Jalan Persekutuan utama (FT001 – FT050).
- Laluan strategik yang menghubungkan bandar utama ke pelabuhan, lapangan terbang atau kawasan industri.



- **PROGRAM PENJIMATAN TENAGA**

Program KPI Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) telah dimulakan sejak tahun 2010 dan memandangkan kejayaan program tersebut, program yang sama telah dilaksanakan bagi tahun 2011 dan 2012. Program ini bertujuan untuk memantau penggunaan tenaga elektrik semasa sesebuah bangunan dan seterusnya memperkenalkan langkah-langkah penjimatan tenaga tanpa kos bagi mengurangkan penggunaan tenaga bangunan berkenaan. Penjimatan penggunaan tenaga diukur melalui pengurangan Intensiti Penggunaan Tenaga (BEI) bangunan yang terlibat.

Dua bangunan yang terlibat bagi Program Penjimatan Tenaga Melalui Pengurangan BEI Bangunan adalah seperti di Jadual 16.



*Blok A, Bangunan Gunasama Persekutuan Ipoh, Perak*


**Jadual 16:**  
**Senarai Bangunan bagi Program Penjimatan Tenaga**  
**Tanpa Kos ke Atas Bangunan-bangunan Kerajaan**

LEBUHRAYA	PERATUS SASARAN PENJIMATAN (%)	PERATUS PENJIMATAN TENAGA SEBENAR(%)
Blok A, Bangunan Gunasama Persekutuan Ipoh, Perak	7	12.1
Blok C, Bangunan Gunasama Persekutuan Ipoh, Perak	7	12.1




*Blok C, Bangunan Gunasama Persekutuan Ipoh, Perak*

**Rajah 1:**  
**Data Penggunaan Tenaga bagi Blok A, Bangunan Gunasama**  
**Persekutuan Ipoh, Perak sepanjang 2012**



**Rajah 2:**  
**Data Penggunaan Tenaga bagi Blok C, Bangunan Gunasama**  
**Persekutuan Ipoh, Perak sepanjang 2012**



**Program Penjimatan Tenaga**  
 Langkah Tanpa Kos (Penampalan Poster dan  
 Pelekat Kesedaran Penggunaan Tenaga)





## PENGURUSAN KONTRAKTOR



- **PENDAFTARAN KONTRAKTOR**

- **Pendaftaran Kontraktor CIDB**

Bilangan kontraktor berdaftar melalui Sistem Satu Pendaftaran Kontraktor (1ROC) adalah seramai 67,844 dan pecahannya seperti Jadual 17:

**“ Sehingga tahun 2012, KKR telah mendaftar sebanyak 67,844 kontraktor di seluruh Malaysia ”**

**Jadual 17 :  
Bilangan Kontraktor Berdaftar Melalui 1ROC dan Pecahannya**

NEGERI	GRED							Jumlah
	G1	G2	G3	G4	G5	G6	G7	
Johor	3,380	1,044	1,100	330	346	123	349	<b>6,672</b>
Kedah	2,341	477	341	97	152	69	191	<b>3,668</b>
Kelantan	2,364	315	276	87	163	76	139	<b>3,420</b>
Wilayah Persekutuan Labuan	163	23	34	7	5	3	9	<b>244</b>
Melaka	1,200	349	370	142	133	38	125	<b>2,357</b>
Negeri Sembilan	2,175	505	350	130	151	56	98	<b>3,465</b>
Pahang	2,341	511	443	206	166	64	145	<b>3,876</b>
Perak	2,833	633	562	190	211	91	135	<b>4,655</b>
Perlis	974	107	55	21	31	10	24	<b>1,222</b>
Pulau Pinang	1,572	494	699	167	234	96	306	<b>3,568</b>
Sabah	6,094	1,049	819	127	193	95	430	<b>8,807</b>
Sarawak	1,616	507	352	141	167	101	387	<b>3,271</b>
Selangor	4,727	1,230	1,977	617	859	307	1,093	<b>10,810</b>
Terengganu	2,384	349	320	147	251	107	178	<b>3,736</b>
Wilayah Persekutuan	1,847	755	1,881	506	1,128	426	1,530	<b>8,073</b>
<b>Jumlah</b>	<b>36,011</b>	<b>8,348</b>	<b>9,579</b>	<b>2,915</b>	<b>4,190</b>	<b>1,662</b>	<b>5,139</b>	<b>67,844</b>

### • Pendaftaran Kontraktor Bumiputera

Bagi tahun 2012 sahaja, KKR telah menerima 17,206 permohonan yang meliputi permohonan pendaftaran baharu, kenaikan kelas, tambah bidang kerja, pembaharuan, penarafan Bumiputera, dan rayuan pembaharuan. Perincian permohonan adalah seperti Jadual 18:

**Jadual 18:  
Kontraktor Bumiputera**

JENIS PERMOHONAN	JUMLAH PERMOHONAN
Pendaftaran Baharu (Perubahan Jenis Syarikat)	154
Naik Kelas	185
Tambah Bidang Kerja	258
Pengiktirafan Taraf Bumiputera	12,616
Pembaharuan Pendaftaran dan Taraf Bumiputera	3,565
Rayuan Pembaharuan Pendaftaran dan Taraf Bumiputera	428

### • Siasatan dan Penarafan Bumiputera


Kontraktor kerja yang diberi pengiktirafan Taraf Bumiputera oleh KKR adalah tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Bagi tahun 2012, sebanyak 455 siasatan dan daripada jumlah tersebut 195 kontraktor telah diambil tindakan pembatalan sijil Taraf Bumiputera kerana didapati tidak mengikut syarat penarafan Bumiputera. Antara kesalahan yang dikenalpasti adalah:

- Menganugerahkan projek kepada kontraktor lain melebihi 70% daripada nilai kerja;


- Premis tidak beroperasi;
- Kakitangan bukan bumiputera aktif dalam syarikat;
- Pengurusan kewangan yang meragukan;
- Berkongsi pejabat; dan
- Pegawai teknikal didapati tidak aktif.

Sehingga tahun 2012, bilangan kontraktor bumiputera yang masih berdaftar adalah seramai 31,795 orang kontraktor di mana kontraktor kerja awam adalah sebanyak 29,082 kontraktor manakala kontraktor kerja elektrik adalah sebanyak 2,713 kontraktor. Pecahan kontraktor kerja yang berdaftar di bawah KKR adalah seperti berikut:

**Rajah 3: Kontraktor Kerja Awam**



**Rajah 4: Kontraktor Kerja Elektrik**





**“** Sebanyak 1,744 syarikat telah ditemuduga KKR bagi tahun 2012 dan sebanyak 28 buah syarikat telah dibatalkan pendaftarannya **”**

- **Penguatkuasaan dan Inspektorat**

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 22 buah syarikat telah diambil tindakan tatatertib di mana 21 buah syarikat telah diambil tindakan penahanan daripada menyertai tawaran Kerajaan manakala sebuah syarikat telah digantung pendaftarannya atas sebab memalsukan dokumen syarikat.

Pendaftaran kelas F telah dibekukan bermula pada tahun 2005 setelah Kementerian mendapati terlalu ramai bilangan kontraktor kelas F yang berdaftar iaitu sebanyak 35,000 buah syarikat. Setelah 7 tahun pembekuannya, bilangan kontraktor kelas F yang masih berdaftar adalah sebanyak 28,000 buah syarikat.

Kementerian juga telah melaksanakan Program Tapisan ke atas kontraktor kelas F atau gred G1 (Bumiputera) yang sedia berdaftar di bawah Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) berkuatkuasa Januari 2012. Melalui program ini, semua kontraktor kelas F yang ingin memperbaharui pendaftarannya disyaratkan melepassi proses temuduga yang merangkumi dua (2) aspek utama iaitu pengurusan syarikat dan pengetahuan teknikal. Bagi tahun 2012, KKR telah menemuduga sebanyak 1,744 kontraktor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 28 buah syarikat telah dibatalkan pendaftarannya atas sebab gagal melepassi proses temuduga tersebut.

- Penguatkuasaan ke atas Pekerja Binaan**

Dalam memainkan peranan sebagai badan regulatori untuk industri pembinaan, KKR bertanggungjawab mengakreditasi dan mendaftar kontraktor dan tenaga kerja untuk memastikan hanya yang berkelayakan sahaja yang boleh melaksanakan projek-projek.

Penilaian dan pensijilan bahan binaan pula perlu bagi memastikan bahan binaan yang diluluskan sahaja digunakan untuk pembinaan. Bagi

memastikan peraturan-peraturan ini dipatuhi serta untuk mengawal selia kualiti dan keselamatan di tapak bina, KKR telah meningkatkan keupayaan dalam aktiviti penguatkuasaan, tindakan tatatertib, pendakwaan dan lain-lain tindakan ke atas mereka yang melanggari kehendak Akta 520.

KPI yang telah ditetapkan dengan bidang keutamaan ini beserta pencapaiannya adalah seperti berikut :

**Jadual 19 :  
Program Akreditasi**

PENCAPAIAN			
STATUS	PROGRAM	SEBENAR	%
Pekerja Binaan telah diakredit	15,000	27,277	181.8%
Penyelia Tapak telah diakredit	1,000	1,931	193.1%
<i>Certificate of Approval (COA)</i> bahan binaan telah dikeluarkan	1,700	1,820	107.1%
100% pengesahan kilang dalam tempoh 2 minggu	100%	100%	100%

**Jadual 20:  
Menjalankan penguatkuasaan Akta 520 ke atas 2,500 tapak bina**

PENCAPAIAN			
STATUS	PROGRAM	SEBENAR	%
Bilangan tapak bina telah dilawati	2,500	3,216	128.6%

## • PEMBANGUNAN KONTRAKTOR

### I. Program Pembangunan Kontraktor Bumiputera oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)

Program yang dilaksanakan oleh PKK dibahagikan kepada dua kategori iaitu kursus/latihan/seminar dan pameran/ekspo pengubahsuaian. Sepanjang tahun 2012, sebanyak 116 kursus telah dijalankan dengan penglibatan seramai 14,868 orang kontraktor. Jumlah peruntukan adalah sebanyak RM2,592,308.00. PKK juga telah menjalankan kerjasama mengadakan pameran/ekspo pengubahsuaian yang telah diadakan di PWTC, Kuala Lumpur. Sebanyak 16 buah ruang pameran telah disediakan kepada kontraktor yang berdaftar dengan PKK untuk mempromosi dan memperkenalkan produk serta perkhidmatan yang disediakan. Melalui program ini, kontrak jualan yang diperolehi adalah dianggarkan sebanyak RM500,000.00.

### II. Program Pemadanan (*Matchmaking*)

Program Pemadanan (*Matchmaking*) merupakan program yang menemukkan kontraktor Bumiputera dengan pengeluar, pembekal dan pengusaha kedai *hardware* Bumiputera serta agensi-agensi kerajaan yang terlibat.

Tujuan utama Program Padanan “*Matchmaking*” ini dilaksanakan adalah untuk mewujudkan satu Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) dalam sektor binaan.

Tiga mekanisme pelaksanaan Program Pemadanan (*Matchmaking*) :

- Memadankan kontraktor yang telah dianugerahkan projek atas tiket Bumiputera dengan pengeluar, pembekal dan pengusaha kedai *hardware* Bumiputera.

**Jadual 21:**  
**Program Pemadanan**

TARIKH	NEGERI	JUMLAH PESERTA PROGRAM TERLIBAT
27 Feb 2012	Johor	2
30 April 2012	Perak	8
10 Dis 2012	Perak	33
7 Mei 2012	Selangor/Kuala Lumpur	104
8 Mei 2012	Kedah	93
9 Mei 2012	Pulau Pinang	18
10 Mei 2012	Pulau Pinang	33
18 Nov 2012	Kelantan	5
24 Jun 2012	Kelantan	3
27 Jun 2012	Melaka	12
18 Julai 2012	Melaka	3
16 Okt 2012	Johor	2
30 Okt 2012	Melaka	3
23 Okt 2012	Terengganu	38
1 Nov 2012	Pahang	7
17 Julai 2012	Selangor/Kuala Lumpur	217
4 Jun 2012	Pulau Pinang	3

- Memadankan kontraktor yang aktif dalam sektor binaan dengan pengeluar, pembekal dan pengusaha kedai *hardware* Bumiputera.
- Memadankan pengeluar, pembekal dan pengusaha kedai *hardware* dengan pegawai pelaksana projek, (Jurutera Daerah, Penyelia Tapak)

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 17 program padanan (*Matchmaking*) dilaksanakan di semua negeri di Semenanjung Malaysia dan melibatkan 584 peserta yang terdiri daripada kalangan kontraktor dan usahawan binaan (Jadual 21).



### III. Program *Trading Hub*

Program *Trading Hub* Bahan Binaan juga telah diperkenalkan bagi mewujudkan satu pusat urus niaga bahan binaan yang dikeluarkan oleh usahawan Bumiputera untuk rangkaian niaga semasa dan masa hadapan.

Sebanyak tujuh buah *Trading Hub* Bahan Binaan telah diwujudkan di peringkat negeri iaitu di Johor, Kedah, Melaka, Selangor, Perak, Kelantan, dan Terengganu. Pada masa ini juga, Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) dalam peringkat rundingan untuk menubuhkan *Trading Hub* di Sabah dan Sarawak.

**“ Seramai 584 kontraktor dan usahawan binaan mengambil bahagian dalam 17 Program Padanan di Semenanjung Malaysia ”**

### IV. Skim Kumpulan Wang Amanah Kontraktor (SKWAK)

Skim Kumpulan Wang Amanah Kontraktor-Kontraktor (SKWAK) telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia pada 17 Mac 1982 di bawah Seksyen (4), Akta Prosidur Kewangan Kewangan sebanyak RM 5 juta sebagai akaun modal pusingan.

Pada Julai 2000, Lembaga Pembangunan Industri Binaan (CIDB) telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM 5 juta menjadikan tabung SKWAK berjumlah sebanyak RM 10 juta. Skim ini ditadbir oleh BPU bagi membantu kontraktor Bumiputera yang memperolehi kontrak kerja Persekutuan daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk memulakan kerja

Had jumlah pinjaman SKWAK yang ditawarkan kepada kontraktor adalah berdasarkan 15% daripada nilai kerja pembina (*builders work*) bagi kontrak kerja berkenaan. Skim pinjaman ini adalah dikecualikan daripada faedah, cagaran dan penjamin.



### Mekanisme Pelaksanaan SKWAK

- Pelaksanaan skim ini adalah sebagaimana ditetapkan di dalam 'Surat Ikatan Amanah', Kementerian Kewangan Malaysia berkuatkuasa 1 Januari 2004.
- Skim ini layak dipohon oleh kontraktor Bumiputera yang memperolehi kontrak daripada Jabatan Kerja Raya bagi kontrak kerja Persekutuan yang bernilai RM 5 juta ke bawah.
- Memiliki 100% ekuiti Bumiputera serta berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) Kelas C hingga F dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Gred G1 hingga G5.
- Kontraktor mestilah memiliki rekod kerja yang baik dan harga tender yang diperolehi adalah menguntungkan (viable).
- Pemohon dikehendaki mengisi Borang Permohonan yang boleh diperolehi di Ibu Pejabat BPU atau Pejabat BPU Cawangan Negeri.
- Setiap permohonan mestilah mendapat sokongan dan ulasan daripada Ketua Cawangan BPU Negeri yang berkenaan (mengikut lokasi projek dijalankan).
- Kontraktor yang mengemukakan borang permohonan yang lengkap akan dipanggil untuk sesi temuduga.
- Semua permohonan akan dibawa kepada Mesyuarat Jawatankuasa SKWAK yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KKR untuk pertimbangan.
- Proses kelulusan pinjaman ini adalah di dalam tempoh 30 hari dari tarikh dokumen permohonan lengkap diterima.
- Bayaran balik pinjaman SKWAK akan ditolak terus daripada tuntutan bayaran kemajuan kerja (bayaran interim) kontraktor, bermula pada kemajuan kerja fizikal mencapai 25% dan pinjaman hendaklah diselesaikan sepenuhnya apabila mencapai 75%.

Berikut adalah jadual yang menunjukkan bilangan permohonan yang diterima sepanjang tahun 2012.

**Jadual 22:**  
**Bilangan Permohonan SKWAK**  
**Sepanjang 2012**

BULAN	NEGERI	BILANGAN PEMOHON	STATUS PERMOHONAN	NILAI DILULUSKAN (RM)
Februari 2012	Perlis	1	Lulus	600,000.00
	Terengganu	1	Lulus	210,000.00
April 2012	Pahang	1	Lulus	904,000.00
	Johor	1	Lulus	500,000.00
	Terengganu	1	Lulus	335,000.00
Julai 2012	Pahang	1	Sedang Dalam Pertimbangan	-
	Melaka	1	Lulus	213,000.00
Ogos 2012	Pahang	2	Lulus	1,444,900.00
Oktober 2012	Melaka	1	Lulus	240,970.00
November 2012	Terengganu	1	Gagal	-

#### V. Dasar Pengagihan Kerja Kelas E dan F

Dasar ini bertujuan untuk meningkatkan penglibatan kontraktor-kontraktor kelas E dan F dalam pelaksanaan projek-projek kerajaan. Pelaksanaan Dasar Agihan 10% diteruskan bagi kontraktor yang menerima Surat Setuju Terima (L.A) yang bertarikh sebelum 7 Mei 2009. Melalui Dasar agihan 10% (asal) sehingga 7 Mei 2009, sejumlah 189 projek dengan nilai RM8.8 billion telah diagihkan kepada 4373 Kontraktor Kelas F dengan nilai agihan sebenar sebanyak RM860juta.

Untuk Dasar Agihan Kerja Kepada Kontraktor Kelas E dan F, sehingga 31 Disember 2012 terdapat 61 projek yang bernilai RM 10juta keatas terlibat dengan dasar ini. Anggaran jumlah

agihan kerja sepertimana terkandung dalam Item Wang Peruntukan Sementara adalah sebanyak RM 67,907,479.88 .

#### VI. Meningkatkan kapasiti dan kapabiliti kontraktor binaan menerusi Sistem SCORE

Bagi mengukur keupayaan dan kemampuan kontraktor tempatan di Malaysia dan bagi mempertingkatkan imej industri pembinaan dengan sasaran 800 kontraktor, satu program khusus telah dibangunkan iaitu Program Penilaian Keupayaan Dan Kemampuan Kontaktor (SCORE).

Sehingga Disember 2012, seramai 1,391 syarikat telah memasuki program SCORE seperti di Jadual 23.

**Jadual 23:**  
Pencapaian Program SCORE

PENCAPAIAN		
PROGRAM	SEBENAR	%
800	1,391	173.9%

**VII. Memastikan 50 kontraktor Bumiputera mendapat sijil ISO 9001:2008**

KKR telah menggalakkan kontraktor untuk melaksanakan sistem pengurusan kualiti berasaskan ISO 9001:2008 sejak tahun 2000 lagi. Galakan tersebut diteruskan sehingga tahun 2012 dimana sebanyak 48 syarikat kontraktor Bumiputera telah memperolehi pensijilan ISO 9001:2008 di sepanjang tahun 2012 seperti di Jadual 24.

**Jadual 24:**  
Persijilan ISO 9001:2008

PENCAPAIAN		
PROGRAM	SEBENAR	%
50	48	96%

“ ICW 2012 telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dan telah dapat menarik lebih daripada 19,000 pengunjung. ”

**VIII. Mempromosikan industri pembinaan**

*International Construction Week - (ICW 2012)* telah berjaya dianjurkan pada 14 - 16 Februari 2012 di Kuala Lumpur Convention Centre bagi mempromosikan industri pembinaan negara. Sebagai satu *Premier Event* bagi industri pembinaan (peringkat kebangsaan dan antarabangsa), ia telah menyediakan platform bagi pihak industri berinteraksi dan bertukar pendapat.

ICW 2012 telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dan telah dapat menarik lebih daripada 19,000 pengunjung.



Malam Gala Malaysia Construction Industry Excellence Awards (MCIEA) 2011 pula telah dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri di mana Majlis Anugerah ini merupakan acara kemuncak di dalam memberi pengiktirafan kepada kecemerlangan yang telah ditampilkan oleh penggiat industri pembinaan Negara.

Selain itu, CIDB juga telah memperhebatkan misi meneroka pelbagai peluang yang wujud di peringkat antarabangsa bagi mempromosikan kontraktor-kontraktor Malaysia untuk melibatkan diri dalam projek-projek luar negara.

CIDB dengan kerjasama MATRADE dan penggiat industri telah menganjur dan mengetuai setiap misi yang terlibat dengan menggiatkan misi menerokai peluang-peluang di negara sasaran pada tahun 2012.







**PEMBANGUNAN  
PROFESIONALISME**



### • LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA

Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) ditubuhkan bagi menguatkuasa Akta Pendaftaran Jurutera 1967 dan melaksanakan fungsi-fungsi yang diperuntukkan di bawah Seksyen 4(1) Akta tersebut, yang antaranya seperti berikut:

- i. Mendaftar Jurutera Profesional, Jurutera Siswazah, Jurutera Sementara, Amalan Kejuruteraan Perunding dan Pemeriksa Bertauliah.
- ii. Menentukan dan mengawalselia tata kelakuan serta etika profesi kejuruteraan.
- iii. Mengakreditasi program-program kejuruteraan yang dijalankan oleh institusi-institusi pengajian tinggi.
- iv. Menjalankan Peperiksaan Penilaian Profesional.
- v. Menjalankan Program Pembangunan Profesional Berterusan
- vi. Menetapkan skala yuran perkhidmatan kejuruteraan.
- vii. Bertindak sebagai *stakeholder* di dalam kontrak perkhidmatan kejuruteraan profesional.

### Pendaftaran Jurutera dan Amalan Perunding Kejuruteraan

Berikut adalah pencapaian dari segi pendaftaran mengikut kategori individu (jurutera profesional, jurutera siswazah, jurutera sementara serta Pemeriksa Bertauliah) dan kategori pendaftaran syarikat amalan kejuruteraan perunding (pertubuhan perbadanan, amalan multi disiplin, perkongsian dan pemilik tunggal). Pencapaian diterjemahkan dalam bentuk statistik di carta 1, 2, 3 dan 4.


**Carta 1:**  
Jumlah Jurutera dan Amalan Perunding  
Kejuruteraan Berdaftar sehingga  
31 Disember 2012




**Carta 2:**  
Jumlah Jurutera dan Amalan Perunding  
Kejuruteraan Berdaftar 1 Januari 2012  
sehingga 31 Disember 2012



**Carta 3:**  
Jurutera Siswazah Berdaftar dengan  
Lembaga Jurutera Malaysia sehingga  
Tahun 2012



**Carta 4:**  
Jurutera Profesional Berdaftar dengan  
Lembaga Jurutera Malaysia  
Bagi Tahun 2012



**“ Seramai 378 orang daripada pelbagai kategori berdaftar dengan LAM pada tahun 2012 ”**

- **LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA (LAM)**

Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) ialah sebuah agensi Kerajaan yang telah ditubuhkan di bawah Akta Arkitek 1967, suatu Akta yang telah berkuatkuasa mulai Oktober 1973 bagi menggantikan Ordinan Arkitek 1951. LAM bertanggungjawab menguatkuasakan Akta tersebut dan melaksanakan fungsi-fungsi yang diperuntukan di bawah Seksyen 4(1), Akta itu yang antaranya adalah seperti berikut:

1. Mendaftar Arkitek Profesional, Arkitek Graduan, Perekabentuk Dalaman, Pelukis Pelan Bangunan, Praktis Perunding Senibina dan Praktis Perunding Rekabentuk Dalaman;
2. Menetapkan serta mengawalselia tata kelakuan dan etika Arkitek Profesional, Arkitek Graduan, Perekabentuk Dalaman dan Pelukis Pelan Bangunan;
3. Menjalankan peperiksaan bagi memasuki profesion senibina;
4. Mengakreditasi program-program Senibina dan Rekabentuk Dalaman yang dijalankan oleh institusi-institusi pengajian tinggi; dan
5. Mewakili profesyen dalam perkara-perkara yang berkaitan profesyen senibina dan rekabentuk dalaman di dalam dan luar negara




## Pendaftaran

Pada tahun 2012, jumlah pendaftaran LAM adalah seperti berikut:-


**Jadual 25:**  
**Jumlah Pendaftaran Baru LAM 2012 (Individu)**

KATEGORI	PENDAFTARAN BARU 2012	JUMLAH AHLI BERDAFTAR (SETAKAT 31.12.2012)
Arkitek Profesional	89	1,844
Arkitek Graduan	280	1,670
Pelukis Pelan Bangunan	0	179
Perekabentuk Dalaman	9	514
<b>Jumlah</b>	<b>378</b>	<b>4,207</b>

**Carta 5:**  
**Pendaftaran Baru LAM (Individu) 2012**




**Carta 6:**  
**Ahli Berdaftar Baru LAM (Individu) (setakat 31 Disember 2102)**




**Jadual 26:**  
**Pendaftaran Praktis Perunding Senibina**

KATEGORI	PENDAFTARAN BARU 2012	JUMLAH AHLI BERDAFTAR (SETAKAT 31.12.2012)
Ketuanpunyaan Tunggal	66	1,092
Perkongsian	10	99
Pertubuhan Perbadanan Arkitek	12	223
Pertubuhan Perbadanan Pelbagai Disiplin	2	31
<b>Jumlah</b>	<b>90</b>	<b>1,445</b>

**Carta 7:**  
**Pendaftaran Baru Praktis**  
**Perunding Senibina 2012**




**Carta 8:**  
**Jumlah Praktis**  
**Perunding Senibina**  
**(Setakat 31 Disember 2012)**



**Jadual 27:**  
**Praktis Perunding Rekabentuk Dalam**

KATEGORI	PENDAFTARAN BARU 2012	JUMLAH AHLI BERDAFTAR (SETAKAT 31.12.2012)
Ketuanpunyaan Tunggal	-	23
Perkongsian	-	1
Pertubuhan Perbadanan Rekabentuk Dalam	-	13
<b>Jumlah</b>	<b>-</b>	<b>37</b>

**Carta 9:**  
**Jumlah Praktis Perunding Rekabentuk Dalam**  
**(Setakat 31 Disember 2012)**



## • LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) telah ditubuhkan di bawah Akta Parlimen iaitu Akta Juruukur Bahan 1967. LJBM bertanggungjawab menguatkuasakan Akta tersebut dan melaksanakan fungsinya seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 4 Akta itu, antaranya seperti berikut:-

- i Memproses permohonan pendaftaran dan mengemaskini senarai Daftar Juruukur Bahan dan Firma Juruukur Bahan Perunding;
- ii Mengakreditasi program-program ukur bahan yang dikendalikan oleh institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara;
- iii Penubuhan Majlis peperiksaan LJBM untuk mengendalikan peperiksaan bagi tujuan memasuki Profession Ukur Bahan di negara ini.
- iv Mengawal tatalaku dan etika profesion Juruukur Bahan serta memutuskan perselisihan berkaitan dengan salahlaku profesional Juruukur Bahan;
- v Menetapkan dari masa ke masa jadual skala yuran untuk bayaran perkhidmatan Juruukur Bahan Perunding;
- vi Bertindak sebagai 'stakeholder' di dalam kontrak bagi perkhidmatan Juruukur Bahan Perunding;
- vii Mengadakan program pembangunan profesional bagi Juruukur Bahan berdaftar;
- viii Memberi kemudahan lain bagi membangunkan dan mempromosikan pembelajaran dan pendidikan berhubung dengan ukur bahan.


## Pendaftaran Juruukur Bahan

Pada tahun 2012, LJBM telah meluluskan pendaftaran 42 Juruukur Bahan Berdaftar dan 269 Juruukur Bahan Siswazah Berdaftar. Sementara itu, bagi kategori Firma Juruukur Bahan Perunding, sebanyak 10 Ketuanpunyaan Tunggal, 8 Badan Korporat, 3 Perkongsian dan 1 Firma Perunding Pelbagai Disiplin telah didaftarkan.

**Jadual 28:**  
**Bilangan Individu Berdaftar Mengikut Kategori Sehingga 2012**

KATEGORI	BILANGAN
Juruukur Bahan Berdaftar	970
Juruukur Bahan Berdaftar Sementara	1
Juruukur Bahan Siswazah Berdaftar	1397
<b>Jumlah</b>	<b>2368</b>

**Carta 10:**  
**Bilangan Firma Juruukur Bahan Perunding Berdaftar Mengikut Kategori Sehingga 2012**



**Jadual 29:**  
**Bilangan Firma Juruukur Bahan Perunding Berdaftar Mengikut Kategori 2012**

KATEGORI	BILANGAN
Ketuanpunyaan Tunggal	167
Badan Korporat	107
Perkongsian	54
Perunding Pelbagai Disiplin	14
<b>Jumlah</b>	<b>342</b>



**“ ABM memastikan 70% Personel Binaan yang dilatih, diserap ke dalam industri binaan ”**

• **AKADEMI BINAAN MALAYSIA**

Pada tahun 2012, Akademi Binaan Malaysia (ABM) serta pusat-pusat latihan bertauliah di seluruh Negara telah digerakkan untuk melaksanakan latihan bagi industri bagi memenuhi objektif seperti latihan di dalam tred yang bernilai tinggi, memberi penekanan kepada penambahan nilai untuk pelatih, melaksanakan latihan yang '*market driven*' serta meningkatkan kebolehpasaran pelatih.

KPI yang telah ditetapkan dengan bidang keutamaan ini beserta pencapaiannya adalah seperti berikut :

Memastikan 70% Personel Binaan yang dilatih, diserap ke dalam industri Pembinaan mengikut bidang-bidang tersebut :

- Bidang Kemahiran : 15,000 orang
- Bidang Penyeliaan : 1,000 orang
- Bidang Pengurusan : 200 orang

**Jadual 30:**  
**Personel Binaan yang dilatih pada 2012**


PENCAPAIAN					
	PROGRAM	SEBENAR	%	STATUS DISERAP	%
Bidang Kemahiran	15,000	23,462	156.4%	16,893	72%
Bidang Penyeliaan	1,000	1,378	137.8%	1,378	100%
Bidang Pengurusan	200	145	72.5%	145	100%

**Jadual 31:**  
**Memadankan 2,000 pra-graduan kepada industri pembinaan**

PENCAPAIAN			
STATUS	PROGRAM	SEBENAR	%
Kerjasama strategik dalam program apprenticeship telah dilaksanakan dengan 8 Syarikat Pembinaan: Ahmad Zaki Resources Berhad, TRC, Synergy Berhad, MRT Corp, MIGHT, IJM & MMC-Gamuda, Eversendai dan PFCE Berhad.	2,000	2,018	100.9%







## PEMBANGUNAN MODAL INSAN



“ Jumlah perjawatan bagi Kementerian Kerja Raya dan Agensi pada tahun 2012, adalah sebanyak 12,972 ”

- NILAI-NILAI BERSAMA

KEPIMPINAN  
(LEADERSHIP)

INTEGRASI  
(INTERRATION)

AKAUNTABILITI  
(ACCOUNTABILITY)

PROFESIONALISME  
(PROFESSIONALISME)

KOMUNIKASI  
(COMMUNICATION)

## • KEDUDUKAN PERJAWATAN

Bagi Pengurusan Modal Insan Kementerian Kerja Raya dan Agensi pada tahun 2012, jumlah perjawatan adalah sebanyak 12,972. Daripada jumlah tersebut sebanyak 11,718 jawatan telah diisi. Maklumat perjawatan, pengisian dan kekosongan pada tahun 2012 adalah seperti dibawah.

**Jadual 32:**  
**Maklumat Perjawatan, Pengisian dan Kekosongan Tahun 2012**

PERJAWATAN	KKR	JKR	LLM	CIDB	JUMLAH
Politik	3	0	0	0	<b>3</b>
Pengurusan & Profesional	258	2364	105	82	<b>2,809</b>
Sokongan	787	7665	191	263	<b>8,906</b>
Jumlah Perjawatan	1,136	11,132	330	374	<b>12,972</b>
Jumlah Pengisian	1,048	10,029	296	345	<b>11,718</b>
Jumlah Kekosongan	88	1,103	34	29	<b>1,254</b>

## • PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN

- Pelaksanaan Kursus 7 hari

Pada tahun 2012, KKR telah berjaya mengekalkan pencapaian 100% prestasi Latihan 7 hari bagi seramai 999 orang pegawai dan staf. Sebanyak 127 program kursus telah dilaksanakan daripada 147 kursus yang dirancang. Antara kursus yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

**Jadual 33:**  
**Lima Kursus Dalaman Mencatatkan Kehadiran Pegawai Paling Ramai**

TARIKH	NAMA KURSUS	BILANGAN PESERTA
27 Jun 2012	Ceramah Perdana: Israk dan Mikraj	400
8 Ogos 2012	Ceramah Perdana: Nuzul Quran	200
13 Jun 2012	Seminar Kesihatan dan Kecergasan	154
17-18 Julai 2012	Kursus Anda Berhak Hebat	100
14 Mei 2012	Seminar Pengukuhan Integriti dan Pencegahan Rasuah	96

**Jadual 34:**  
**Lima Kursus Luaran Mencatatkan**  
**Kehadiran Pegawai Paling Ramai**

TARIKH	NAMA KURSUS	BILANGAN PESERTA
19-21 April 2012	Seminar Perancangan Strategik	116
13-15 Mei 2012	Kursus Tatacara Perolehan Kerajaan ( <i>Training of Trainers – Perolehan Perkhidmatan Perunding</i> )	58
25 - 28 November 2012	Kursus S.O (Pengurusan Kontrak)	52
18 – 20 Disember 2012	Bengkel Pengemaskinian Prosedur Kualiti (PK) MS ISO 9001:2008	54
19 – 21 Disember 2012	Bengkel WSC Gold Sektor Pembinaan	82

- Sukan Antara Bahagian Kementerian Kerja Raya

Sukan antara bahagian KKR telah diadakan bermula 11 Februari 2012 sehingga 4 Mei 2012. Majlis Perasmian Karnival Sukan Kerja Raya telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya pada 10 Februari 2012. Sebanyak 5 pasukan telah menyertai Sukan antara bahagian KKR iaitu pasukan EXORA, INSPIRA, ALZA, MYVI dan PERSONA. Antara sukan yang dipertandingkan adalah bola sepak, bola tampar, bola jaring, sepak takraw, ping pong, badminton, congkak, karom, dart, dam aji dan catur.

- Karnival Sukan Kerja Raya 2012

Karnival Sukan Kerja Raya telah diadakan pada 11 hingga 14 Julai 2012 bertempat di Universiti Malaysia Terengganu. Pada carnival tersebut, KKR telah memperolehi 3 emas, 4 perak dan 4 gangsa. KKR telah Berjaya menduduki tempat kedua secara keseluruhannya.





- Sambutan Maulidur Rasul (Kerjasama dengan PUSPANITA KKR)

Sambutan Maulidur Rasul peringkat Kementerian Kerja Raya telah diadakan pada 22 Februari 2012 dengan kerjasama PUSPANITA KKR. Sambutan ini telah disertai oleh warga KKR.

- Agihan Bubur Lambok

Agihan bubur lambok kepada warga KKR telah diadakan pada 14 Ogos 2012. Sebanyak 500 bungkusan bubur lambok telah diagihkan kepada warga KKR.

- Majlis Sumbangan Kepada Ahli OKU KKR

Majlis sumbangan kepada ahli OKU KKR telah diadakan pada 15 Ogos 2012 di mana majlis ini telah disempurnakan oleh KSU KKR. Sumbangan berupa duit raya sebanyak RM50.00 dan kain pelikat/kain batik telah disumbangkan kepada ahli OKU KKR.


- Kacau Bubur Asyura

Majlis kacau bubur asyura telah diadakan pada bulan Disember 2012 bertempat di tempat letak kereta lobi Blok B. Acara ini telah disertai oleh warga KKR dan bubur asyura telah diagihkan kepada warga KKR.

- Sumbangan Baju Terpakai

Sepanjang tahun 2012, sumbangan baju terpakai daripada warga KKR telah dikumpulkan. Baju-baju terpakai ini telah diagihkan kepada Kedutaan Kemboja.





## PENGURUSAN PELANGGAN


**“ Untuk tahun 2012, Unit Komunikasi Korporat telah menyelesaikan sebanyak 7,240 aduan. Ini menggambarkan prestasi aduan awam KKR berada di tahap yang begitu cemerlang untuk tahun 2012 ”**

#### • PENGURUSAN ADUAN AWAM


Sepanjang tahun 2012, jumlah keseluruhan aduan awam yang direkodkan oleh Unit Komunikasi Korporat (UKK) termasuk agensi dibawahnya adalah sebanyak 7,269 aduan. Tahap penyelesaian aduan mencapai 100%. Daripada jumlah keseluruhan aduan awam yang diterima KKR telah mencapai peratusan sebanyak 97.57% atau 7,092 bagi jumlah tempoh Maklum Balas Awal iaitu melebihi target atau sasaran awal UKK iaitu 95%.

Peratusan aduan selesai dalam tempoh kurang dari 3 hari bekerja mencapai peratusan sebanyak 49.64%. Walaubagaimanapun, gabungan untuk tempoh penyelesaian aduan awam kurang daripada 14 hari mencapai peratusan sebanyak 99.60% atau 7,240 jumlah aduan selesai daripada jumlah keseluruhan aduan untuk tahun 2012. Ini menggambarkan prestasi aduan awam KKR berada di tahap yang begitu cemerlang untuk tahun 2012.

**Rajah 5 :**  
**Statistik Penyelesaian Aduan KKR dan Agensi bagi bulan Januari – Disember 2012**




**Rajah 6 :**  
**Statistik Maklum Balas Aduan KKR dan Agensi**  
**bagi bulan Januari – Disember 2012**





**Carta 11:**  
**Statistik Aduan Awam Mengikuti Kategori Bagi Bulan Januari - Disember 2012**



## • PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN ONLINE

Selaras dengan tuntutan masa dan dasar kerajaan yang memfokuskan kepada sistem penyampaian yang efisyen, pantas dan berkualiti, UKK meneruskan program HBP secara *online* yang telah mula dilaksanakan pada tahun 2008.

Sepanjang tahun 2012, program HBP Online telah berjaya diadakan sebanyak 12 kali. Sistem HB *Online* iaitu 11 kali secara *online* dan sekali secara bersemuka yang diadakan bersekali dengan Hari Inovasi KKR.

Sistem ini menggunakan kaedah sembang internet atau *chatting* yang membolehkan orang ramai/pelanggan KKR berinteraksi dengan pegawai KKR dan kaedah ini dilihat lebih mudah dan bersifat kos effektif. Pada masa yang sama sebarang aduan dan pertanyaan dapat diberi maklumbalas dan tindakan segera.









**05 Januari 2012**

Majlis Penyempurnaan  
Struktur Konkrit Projek  
Institut Kanser Negara  
di Putrajaya.



**18 Februari 2012**

Majlis Perasmian  
Kuarters Baru JKR  
di Sungai Besi oleh YAB  
Perdana Menteri Malaysia.



**1 Mac 2012**

Lawatan YB Menteri  
Kerja Raya ke  
Bangunan SPRM  
Melaka.



**16 April 2012**

Majlis Perasmian  
Seminar Antarabangsa ITS 2012  
di Kuala Lumpur.



**29 Mei 2012**

Majlis Perasmian Lebuhraya  
Lembah Klang Selatan (SKVE)  
Seksyen 2 di Banting.



**1 Jun 2012**

Majlis Perasmian  
Pameran *Renovation*  
Kontraktor Bumiputera  
di Kuala Lumpur.



**16 Julai 2012**

Kerja-kerja  
Pengundian  
Penyenggaraan Jalan  
Persekutuan Zon  
Utara di JKR Kedah.



**06 Ogos 2012**  
Majlis Berbuka  
Puasa YB  
Menteri Kerja  
Raya Bersama  
Warga KKR.



**06 September 2012**  
Majlis Sambutan  
Hari Raya Aidilfitri  
Peringkat KKR.

**23 Oktober 2012**  
Lawatan Kerja  
YB Menteri Kerja Raya  
ke Cameron Highland.





**28 November 2012**  
Majlis Perasmian 2nd International Seminar on the Design & Construction of the 2nd Penang Bridge di Kuala Lumpur.



**14 Disember 2012**  
Program Ramah Mesra Bersama Pelajar IPTA.



